



# Orang Jasin tukar barang buangan jadi duit

**Liana Sahabudin**

**JASIN** - Sistem barter per-tukaran barang buangan kepada tunai menerusi program 'Asal Barang Jadi Duit' semakin menarik minat masyarakat untuk menjadikan kitar semula sebagai satu

budaya penjana sumber pendapatan sampingan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Mohd Shaiful Hizam Johan berkata inisiatif itu sekali gus menyokong hasrat Kerajaan Negeri mewujudkan komuniti melaksanakan kitar sem-

ula.

"Menerusi program dilaksanakan di perkarangan Pejabat MPJ baru-baru ini, kita berjaya mengumpul 293 kilogram (kg) sisa '3R' (kurangkan penggunaan, guna semula dan kitar semula), 944 kg sisa fabrik dan seba-

nyak 548 kg sisa biodiesel.

"Ini salah satu usaha MPJ untuk memudahkan dan menggalakkan penduduk sekitar Jasin menghantar sisa barang buangan ke tempat pengumpulan kitar semula.

"Selain menyumbang sisa barang buangan, ini juga

memberi peluang kepada penduduk Jasin menjana pendapatan sampingan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Mohd Shaiful berkata hasil program berkenaan sejumlah RM1,464.40 nilai bayaran diberikan kepada penyum-

bang.

Program itu turut mendapat kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka.



**MOHD Shaiful (dua kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil SWCorp Melaka. Foto SWMCorp Melaka**



**SISA minyak masak terpakai dikumpul pada program 'Asal Barang Jadi Duit', baru-baru ini. Foto SWCorp Melaka**